

**Belanjawan Bayangan Pakatan Pembangkang Tidak Praktikal, Satu Propaganda Bernama
4 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim Selasa membentangkan belanjawan bayangan berjumlah RM220 bilion di bangunan Parlimen di sini.

Belanjawan bayangan itu dibentangkan tiga hari lebih awal daripada pembentangan Belanjawan 2012 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Anwar berkata belanjawan bayangan itu yang diberi tajuk "Kesejahteraan Untuk Rakyat" akan memohon peruntukan sejumlah itu yang akan disalurkan kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Selain janji-janji lama yang ditaburkan semula untuk memenangi hati rakyat, pakatan pembangkang turut berjanji untuk memberikan bonus kepada warga emas dan suri rumah sebanyak RM1,000, untuk mengatasi masalah kuasa membeli mereka yang semakin berkurangan akibat kenaikan harga barang dan mengurangkan beban keluarga.

Turut dijanjikan adalah pengenalan dan penguatkuasaan gaji minimum kepada kakitangan kerajaan sebanyak RM1,100, selain menyelaraskan semula tangga gaji.

Sementara itu beberapa anggota Parlimen menyifatkan belanjawan bayangan yang dibentangkan pakatan pembangkang sebagai sesuatu yang tidak praktikal dan merupakan satu propaganda untuk memenangi hati rakyat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar berkata janji-janji pembangkang untuk memberi lebih banyak subsidi dan peruntukan kepada rakyat menunjukkan mereka tidak memahami subsidi yang diberikan kerajaan.

"Kita dah bagi banyak...gula, beras, minyak, kerajaan dah bagi subsidi. Cuma kita tidak buat promosi apa yang kita dah buat dan biarkan rakyat rasa seolah-olah tak dapat apa-apa bantuan daripada kerajaan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini Selasa.

Beliau berkata kesemua janji yang ditaburkan pembangkang hanyalah propanganda dan manifesto mereka sebelum memerintah.

Katanya rakyat lebih bijak menilai tindakan-tindakan pembangkang terutama dari segi pentadbiran beberapa buah negeri yang dimenangi mereka semasa pilihan raya umum ke-12 lepas.

"Macam dekat Selangor dululah, nak beri macam-macam tapi akhirnya tak buat jugak. Sepatutnya dia bantulah sikit-sikit tapi dia tak laksanakan apa yang dijanji dalam manifesto dia.

"Pembangkang perlu praktikal, baru dia tahu langit tu tinggi atau rendah. Tak mudah (memerintah). Yang betul-betul macam Najib (Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak) pegang. Itu betul sebab apa yang Perdana Menteri kita cakap akan dilaksanakan dan bukan hanya sekadar teori untuk menyedapkan telinga pendengar," kata beliau.

Anggota Parlimen Bayan Baru Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata janji-janji yang ditaburkan pakatan pembangkang boleh dianggap sebagai rasuah dan salah guna kuasa.

"Pakatan pembangkang ni dia cakap hanya untuk menyenangkan hati orang ramai...sebab itu dia sebut spesifik. Tapi kalau tengok belanjawan keseluruhan kerajaan, banyak dah diberi keutamaan.

"Bagi saya mereka ajar rakyat amal rasuah. Anda mahu mereka di pihak anda dengan berjanji. Itu cara yang tak ada etika," katanya kepada Bernama di Lobi Parlimen.

Beliau turut menyifatkan pakatan pembangkang sebagai terdesak kerana pelbagai isu yang menekan mereka khususnya ketua pembangkang.

"Bila terdesak boleh janji macam-macam tapi kita kena tengok sama ada boleh berlaku atau tidak," kata Zahrain.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof berkata belanjawan bayangan itu sekadar gimik politik yang menjanjikan pelbagai janji manis sebelum menjadi kerajaan pemerintah.

"Mana dia nak dapat duit? Itu gimik politik sebab itu dia boleh janji apa sahaja tapi dia tahu atau tidak bagaimana untuk mencari pendapatan negara? Kalau dia tidak bentangkan macam mana dia dapat RM220 bilion?.

""Dari segi janji-janji ini sebenarnya telah dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional dari dahulu lagi. Belum memerintah dah nak buat belanjawan, sepatutnya dah memerintah baru boleh bagi belanjawan sebab kita dah tahu bagaimana kita nak belanjakan duit itu kerana duit itu sudah ada," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617688>